



## PERTANYAAN MENGENAI BIL AIR, AKAUN AIR & PEMBAYARAN



Dimanakah tempat-tempat pembayaran bil air?

Jabatan Perkhidmatan Air  
Jabatan Kerja Raya  
Kementerian Pembangunan

Jln Tasek Lama, Bandar Seri Begawan, BS8310,

Negara Brunei Darussalam

Tel: 2220292 Fax: 2221993

Laman web: [ebis.pwd.gov.bn/ebis](http://ebis.pwd.gov.bn/ebis)

Emel: [dwsppwd@pwd.gov.bn](mailto:dwsppwd@pwd.gov.bn)

MOD CCC Hotline: 140

### BIL

- S. Mengapakah bayaran bil air saya tinggi sedangkan pemakaian air tidak terlalu banyak?**
- J.** Meter air awda rosak. Jika ya, Jabatan Perkhidmatan Air akan menggantikannya secara percuma.
- Berkemungkinan terdapat kebocoran di dalam sistem paip di kawasan kediaman awda.
  - Jika meter awda tidak ada kebocoran, ia memang kadar pemakaian awda. Oleh itu, awda perlulah sentiasa memantau, menyemak dan mengawal pemakaian air awda.
- S. Mengapakah bil air saya adalah anggarak?**
- J.** Perkara berikut terjadi apabila berlakunya halangan kepada kerja - kerja pembacaan meter awda seperti meter air tertutup oleh barang - barang persendirian, pokok-pokok bunga dan lain-lain atau kawasan tersebut dijaga oleh anjing peliharaan. Oleh yang demikian, Jabatan ingin menyarankan agar meter awda tidak mempunyai sebarang halangan dan agar anjing peliharaan awda dikat atau dikurung.
- S. Berapakah kadar bayaran air?**

Kod Tarif	Kategori	\$4.54m <sup>3</sup> pertama bagi 1 bulan (m <sup>3</sup> )	Melebihi \$4.54m <sup>3</sup> (m <sup>3</sup> )
01	Perumahan Tetap	\$0.11	\$0.44
02	Bekalan-Sementara	\$1.10	\$1.10
03	Perumahan Ringan	\$0.00	\$0.00
04	Hotel & Restoran	\$0.61	\$0.61
05	Kapal	\$1.10	\$1.10
06	Pertanian	\$0.06	\$0.06
07	Penghantaran Tanker	\$4.00	\$4.00

- S. Saya tidak pernah menerima bil air**
- J.** Sila pastikan tempat penyimpanan surat diletakkan di pintu pagar rumah awda.
- Berkemungkinan meter air awda belum berdaftar dengan akaun air. Awda bolehlah berkunjung ke pejabat Jabatan yang berdekatan di daerah awda bagi pendaftaran dan keterangan selanjutnya.
- S. Bagaimanakah jika saya tidak membayar bil-bil air atau saya mempunyai bil air yang tertunggak?**
- J.** Jika bayaran bil air awda tidak aktif, surat amaran akan diberikan dan diikuti dengan pemotongan bekalan air awda. Harga penyambungan semula bekalan air adalah sebanyak \$20.00. Manakala bagi air yang tertunggak, Jabatan ada menyediakan skim pembayaran secara ansuran.

### AKAUN AIR

- S. Bilakah permohonan akaun air baru dilakukan dan bagaimanakah caranya?**
- J.** Bagi awda yang sedang membina rumah baru, akaun air perlulah dipohonkan sebelum kerja-kerja pembinaan dilaksanakan. Manakala bagi awda yang menyewa rumah, akaun air perlulah dipohonkan sebaik sahaja awda berpindah ke rumah berkenaan. Bagi tatacara permohonan akaun air baru, awda bolehlah berkunjung ke pejabat Jabatan yang berdekatan di daerah awda bagi mengetahui keterangan selanjutnya.
- S. Apakah tatacara bagi menamatkan akaun air setelah mengosongkan kediaman saya?**
- J.** Bagi tatacara permohonan menamatkan akaun air, awda bolehlah berkunjung ke pejabat Jabatan yang berdekatan di daerah awda untuk mengetahui keterangan selanjutnya.
- S. Apakah akan terjadi sekiranya akaun air saya tidak ditamatkan?**
- J.** Memandangkan akaun air berkenaan di atas nama awda, kesemua bil-bil air yang akan datang adalah dikira tanggungjawab awda bagi membayarnya. Oleh yang demikian, permohonan menamatkan akaun air berkenaan adalah sangat penting.

### PAYMENT

- S. Dimanakah tempat-tempat pembayaran bil air boleh dilakukan?**
- J.** Pembayaran bolehlah dilakukan di salah satu kaunter pembayaran yang dinyatakan seperti berikut:

Tempat Bayaran	Waktu Bayaran	
Bandar Seri Begawan	Isnin - Khamis, Sabtu	8.00pagi - 3.00petang
	Jumaat	8.00pagi - 11.00pagi
JKR Seria	Isnin - Khamis, Sabtu	8.00pagi - 3.00petang
	Jumaat	8.00pagi - 11.00pagi
Tasek Lama	Isnin - Khamis, Sabtu	8.00pagi - 3.00petang
	Jumaat	8.00pagi - 11.00pagi
Jerudong	Isnin - Khamis, Jumaat - Sabtu	8.00pagi - 3.00petang
	Jumaat - Sabtu	8.00pagi - 11.00pagi
JKR Temburong	Isnin - Khamis, Sabtu	8.00pagi - 2.00petang
	Sabtu	8.00pagi - 10.00pagi
JKR Kuala Belait	Isnin - Khamis, Sabtu	8.00pagi - 3.00petang
	JKR Tutong	8.00pagi - 10.00pagi
Pejabat Daerah Tutting		

Pembayaran juga boleh dilakukan di Pejabat Perkhidmatan Pos.

- S. Bolehkah pembayaran dilakukan menggunakan kad kredit?**
- J.** Ya, hanya di kaunter pembayaran Jabatan. Jenis kad kredit yang boleh digunakan adalah AMEX, Visa & Mastercard. Kad Debit keluaran Bank Baiduri juga boleh digunakan.
- S. Bolehkah pembayaran dibuat melalui bank atau 'online'?**
- J.** Ya, Jabatan melalui bank - bank yang tersebut di bawah kini ada menyediakan jenis perkhidmatan pembayaran seperti berikut:

Jenis Perkhidmatan	BIBD	Baiduri	HSBC	Standard Chartered
Kaunter Bank	Ya	Ya	Tidak	Ya
ATM	Ya*	Ya*	Ya*	Ya*
Mesin Deposit Wank	Ya	Ya	Tidak	#
Mesin Deposit Cek	Ya	#	Ya*	Ya*
Perbankan Internet	Ya	Ya*	Ya*	Ya*
Perbankan Telefon	Tidak	Ya	Ya*	#

\* Terhad kepada pemegang akaun bank sahaja

# Tidak didapati dengan segera

- S. Bolehkah pembayaran dibuat melalui potongan gaji?**
- J.** Ya, akan tetapi Jabatan pada masa ini hanya membuat pemotongan gaji bagi kakitangan Kerajaan sahaja.
- S. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya didatangi oleh orang yang tidak dikenali yang mendakwa dirinya seorang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Air untuk mengutip bayaran atau menawarkan pengurangan bil air?**
- J.** Awda tidak patut dan tidak perlu membuat sebarang pembayaran kepada mereka. Awda bolehlah melaporkan kejadian ini kepada:
- mana-mana pejabat Jabatan Perkhidmatan Air yang berdekatan
  - menghantar e-mel kepada kami di alamat [dwsppwd@pwd.gov.bn](mailto:dwsppwd@pwd.gov.bn)
  - menghantar fax kepada kami di talian 2221993, 2221982
- Selain daripada itu, awda boleh juga terus melaporkan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei atau ke-100 Biro Mencegah Rasuah.

*Gunakan Air Dengan Bijaksana*